

Kakitangan UMSKAL sertai Kursus Kemahiran Berkomunikasi

UB 15.5.2015 A2

LABUAN: Seramai 50 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menyertai Kursus Kemahiran Berkomunikasi pada 13-14 Mei lalu.

Mereka yang terdiri daripada pegawai profesional, pensyarah dan kakitangan sokongan itu menyertai kursus anjuran Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran UMSKAL.

Kursus dua hari itu dikendalikan oleh Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Bendahari UMS Hayati Salleh Baihaki.

Beliau berharap ilmu yang diperolehi sepanjang kursus itu akan digunakan oleh peserta ketika berurusan dengan pihak lain terutama pelanggan universiti seperti pelajar, kontraktor dan ibu bapa serta masyarakat setempat.

Katanya, hubungan baik antara universiti dengan pihak luar mampu dikekalkan sekiranya kakitangan mempunyai kemahiran berkomunikasi melalui situasi menang-menang.

“Kakitangan wajar mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan

pelanggan universiti bagi menjaga nama baik UMS secara keseluruhannya,” katanya.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, kursus seperti itu akan diteruskan pada masa depan termasuk kursus dalam Bahasa Inggeris selaras dengan status

UMSKAL sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bertaraf antarabangsa.

Beliau yakin melalui kursus itu, kakitangan akan lebih peka terhadap hubungan sesama rakan sejawat sama ada dengan kakitangan, pegawai dan pensyarah mahupun pelajar.

“Kita mesti bertolak

ansur ketika berhadapan dengan pelbagai situasi yang membabitkan pelanggan yang memerlukan perkhidmatan di UMS Labuan ini,” katanya.

Peserta didedahkan dengan pelbagai kemahiran termasuk latihan dalam kumpulan dan lakonan mengenai sesuatu situasi yang berlaku di universiti.



MURNIZAM (tiga kanan) dan Hayati (dua kanan) bergambar kenangan bersama ahli Kumpulan Satu yang muncul johan aktiviti lakonan pada Kursus Kemahiran Berkomunikasi di UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.